

Headline	PNB nafi beli bon ukuk 1MDB		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 May 2015	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	3	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	54 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 484
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,452



## PNB nafi beli bon sukuk 1MDB

KUALA LUMPUR - Permodalan Nasional Bhd (PNB) tidak terlibat dalam pembelian bon sukuk yang diterbitkan 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

"PNB juga tidak menerima sebarang tawaran daripada 1MDB," kata syarikat pengurusan dana terbesar negara itu dalam satu kenyataan semalam.

Kenyataan tersebut dikeluarkan sebagai menjelaskan tentang laporan dalam talian, kelmarin, yang menyatakan 1MDB me-

nerbitkan bon Islam bernilai RM1.5 bilion kepada PNB dan Lembaga Tabung Haji.

Laporan itu memetik Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli sebagai berkata, PNB membeli bon sukuk daripada 1MDB.

Rafizi mendakwa dalam laporan itu, oleh kerana Tabung Haji mengaku telah membeli sukuk bernilai RM920.8 juta daripada 1MDB, ini bermakna PNB telah membeli baki RM579.2 juta. -Bernama